

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kesan audit pengurusan yang dilakukan oleh Bahagian Inspektorat Tentera Darat (BITD) ke atas pasukan infantri. Kertas kajian ini menjuruskan kajian kepada pasukan Batalion Infantri Standard (BIS). Sampel kajian dipilih dari pegawai dan anggota di pasukan BIS yang mewakili setiap Divisyen Infantri yang terdapat dalam TDM. Sebanyak 4 pasukan Rejimen Askar Melayu Diraja dan 3 pasukan Rejimen Renjer Diraja digunakan sebagai sampel. Seramai 420 orang pegawai dan anggota LLP dari setiap pasukan dijadikan responden untuk mengenal pasti sama ada audit pengurusan yang dilaksanakan oleh BITD memberi kesan ataupun tidak terhadap pengurusan di pasukan mereka dari segi pentadbiran dan sumber manusia, latihan, kewangan dan logistik. Rumusan kajian mendapati ada segelintir pasukan BIS tidak mematuhi sepenuhnya arahan, dasar dan polisi yang dikeluarkan oleh pihak atasan dalam menguruskan pasukan mereka. Hasil kajian ini berbeza dengan data primer yang diperolehi kerana sikap kesetiaan (*loyal*) pegawai dan anggota LLP Tentera Darat Malaysia kepada organisasi mereka.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, rasa syukur yang tidak terhingga saya lafazkan ke hadrat Allah Subhanahu Taala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya saya dapat menyiapkan penulisan kertas kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Dr Rusnah binti Muhamad dari Jabatan Perakaunan dan Audit, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya yang sudi melapangkan masa untuk menyelia dan membimbing, memberi nasihat dan sokongan dari peringkat awal perancangan sehinggalah kertas kajian ini disiapkan. Ucapan penghargaan turut diberikan kepada Puan Aini Hairanie binti Aluwie, pensyarah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Shah Alam kerana banyak menasihati saya untuk menambah baik lagi kertas kajian ini. Penghargaan seterusnya saya panjangkan kepada Pensyarah, Staf dan Juarah dari Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya dan Institut Pegawai Kanan Tentera Darat di atas sokongan dan bimbingan yang diberikan kerana ianya telah banyak membantu saya di dalam melengkapkan kertas kajian ini.

Tidak lupa penghargaan ini diberikan kepada rakan-rakan penuntut Ijazah Sarjana Pengurusan Sesi 2008/2009 yang sentiasa memberi dorongan kepada saya dan Mejar Ruslan bin Abdullah yang banyak membantu saya mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan. Akhir kata, buat isteri tersayang Norma dan anak, Norul Aini serta ibu dan bapa tercinta diucapkan terima kasih kerana memberi sokongan moral dan tidak henti-henti berdoa agar saya beroleh kejayaan dalam menyiapkan kertas kajian ini.